

NO. SOALAN : 42

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 18 JUN 2014
DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [SETIU]

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menanggungkan ibadat Haji bagi jemaah Haji Malaysia yang berisiko tinggi untuk diserang Virus Korona Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-COV) dan apakah langkah Kerajaan bagi melindungi jemaah Haji Malaysia dari risiko jangkitan Virus Korona Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) ketika berada di tanah suci Mekah dan Madinah.

JAWAPAN : (YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak mengeluarkan sebarang larangan lawatan ke Arab Saudi berikutan penularan wabak MERS-COV.

Kerajaan Arab Saudi juga tidak mengeluarkan sebarang peraturan baharu menghalang bakal haji menunaikan haji. Sehubungan itu, Kerajaan tiada cadangan untuk menangguhkan bakal haji menunaikan ibadat haji pada tahun ini.

Sehingga kini, langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Tabung Haji (*TH*) ialah meneruskan pemeriksaan kesihatan yang ketat ke atas semua bakal haji oleh pakar-pakar dan pegawai perubatan yang terlatih untuk mengenalpasti bakal haji yang berisiko. Memandangkan pihak WHO belum lagi dapat mengesahkan punca dan cara jangkitan MERS-COV, maka tiada vaksin khusus untuk jangkitan tersebut.

Di Tanah Suci pula, semua jemaah haji dinasihatkan mengamal tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan, memakai penutup mulut dan hidung. Jemaah haji juga dinasihat mendapat rawatan segera sekiranya mengalami gejala jangkitan respiratori seperti demam, selsema dan batuk.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN : 43

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan usaha Kementerian dalam meningkatkan
kemahiran maritim di kalangan anak tempatan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan sentiasa memberi penekanan kepada aspek pembangunan modal insan dalam sektor maritim. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang telah diambil Jabatan Laut Malaysia adalah mengiktiraf dan meluluskan kursus *Standard of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers* (STCW) di 34 buah institut latihan maritim di seluruh Malaysia untuk melatih anak-anak tempatan yang berminat untuk menceburi kerjaya sebagai pelaut. Institut latihan ini antara lain menawarkan kursus latihan untuk pelaut di peringkat pelaut am sehingga ke peringkat pegawai sama ada dalam bidang enjin atau dek.

Di samping itu, dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai pelaut tempatan di peringkat pegawai pula, Jabatan Laut Malaysia telah memberi tawaran biasiswa Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) kepada pelaut-pelaut Malaysia yang sedang berkhidmat untuk meningkatkan taraf kompetensi mereka ke peringkat pegawai. Bermula dari tahun 2010 sehingga 2014, seramai 59 orang pelaut telah memperoleh biasiswa ini.

Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Laut Malaysia turut menganjurkan Kursus Persediaan Mualim Kurang 500 GT Domestik (Terhad) yang merupakan lesen minimum untuk seseorang itu membawa bot kurang dari 12 orang penumpang dalam had pelabuhan. Kebanyakan bot-bot ini

merupakan bot yang membawa pelancong untuk tujuan rekreasi seperti melawat pulau peranginan, menyelam (*diving*) atau memancing. Kementerian berhasrat untuk membantu golongan pelaut yang berpendapatan rendah serta bergantung hidup kepada sumber pendapatan dengan membawa bot penumpang atau pelancong tetapi tidak mempunyai perakuan yang sah. Kursus ini juga mendapat sambutan daripada golongan belia yang berkecimpung dalam bidang ini.

Dalam pada itu, Jabatan Laut Malaysia juga memberi latihan (*ship-berthing*) kepada pelaut-pelaut yang memiliki sijil Kursus "*Basic Safety Training*" namun tidak mempunyai pengalaman bekerja di atas kapal untuk menjalani *ship-berthing* atas kapal milik Lembaga Dius Api (LDA) bagi mendapatkan pengalaman. Pelaut seterusnya berpeluang memohon pekerjaan di syarikat-syarikat perkapalan. Seramai 62 orang pelaut yang mengikuti kursus ini telah berjaya memperoleh pekerjaan di atas kapal dagang manakala baki seramai 26 orang pelaut masih sedang memohon.